

## KESIMPULAN

Seperti yang telahpun dinyatakan, kesimpulan-kesimpulan mengenai penemuan kajian ini telahpun dibuat dari masa ke semasa di sepanjang bab-bab yang lepas. Justeru itu, pengkaji juga telah cuba mentafsirkan perkaitan di antara pelbagai pembolehubah di beberapa tempat. Oleh itu, kini sampailah masa untuk membuat rumusan dan tafsiran untuk menutup perbincangan ini dengan lebih teratur.

### 5.1 Pola Pelajar

Kadar penglibatan orang India dalam institusi pengajian tinggi adalah rendah. Kadar penyertaan ini juga tidak menggambarkan peratusan orang India dalam kependudukan di Malaysia. Kemungkinan besar berlakunya kejatuhan penyertaan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti tempat tinggal, persekitaran, taraf kedudukan ekonomi, sikap ibubapa dan lain-lain lagi.

Majoriti masyarakat India tinggal di kawasan luar bandar. Di mana iklim persekitaran di estet-estet tidak sesuai bagi alam pelajaran kanak-kanak. Hasilnya, penyertaan dan pencapaian pendidikan mereka adalah rendah. Jika dibandingkan dengan pelajar kawasan luar bandar,

pelajar di kawasan bandar memperolehi keputusan yang lebih baik daripada pelajar dari kawasan luar bandar. Keciciran juga berleluasa di kawasan luar bandar bukannya di bandar. Mereka yang tinggal di bandar berpeluang tinggi untuk memasuki ke institusi-institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana iklim enviromen yang wujud di bandar lebih sesuai. Jadi, mereka yang lebih berpotensi masuk ke universiti adalah pelajar di kawasan bandar. Kesimpulannya, segelintir kaum India yang tinggal di kawasan bandarlah melahirkan pelajar-pelajar yang berpotensi dan layak masuk ke universiti.

Kedudukan taraf ekonomi yang rendah pula mempengaruhi pencapaian keputusan pendidikan. Maka, kelayakan sijil akademik untuk menjejak kakinya di peringkat yang lebih tinggi menjadi lebih tipis. Justeru itu, masalah ekonomi mengakibatkan kejatuhan pencapaian akademik dan ada kalanya pelajar-pelajar tercicir disebabkan oleh masalah kewangan.

Keluarga yang mempunyai taraf kedudukan ekonomi yang kukuh berupaya dan berpeluang membiayai perbelanjaan pelajaran. Manakala keluarga miskin tidak mampu berbuat demikian, keperluan asas mereka tidak dapat dipenuhi, di manakah mereka dapat menumpukan pendidikan anak-anaknya.

Oleh kerana majoriti India masih digolongkan dalam kelas rendah di mana mereka hidup dalam keadaan serba kekurangan. Maka, pelajaran anak-anak mereka diabaikan.

Sikap ibubapa antara kawasan bandar dan luar bandar adalah berbeza. Ibubapa kawasan bandar bersikap positif terhadap pelajaran. Manakala ibubapa di kawasan luar bandar pula bersikap negatif. Tambahan lagi ramai di antara ibubapa yang tinggal di kawasan luar bandar adalah kurang berpelajaran. Ibubapa di kawasan bandar pula berpelajaran dan amat peka kepada isu-isu semasa. Maka ibubapa kawasan bandar ini mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai kepentingan pelajaran dibandingkan dengan masyarakat luar bandar yang kurang berpelajaran, tidak peka kepada isu-isu semasa dan pembangunan negara.

Apa yang kita bincangkan dalam bab pertama, iaitu mengenai penolakan tawaran kemasukan ke universiti oleh pelajar India akan disentuh sekarang. Dari kajian dan pemerhatian pengkaji didapati beberapa sebab yang memungkinkan keadaan ini ialah masalah kewangan, masalah keluarga, kurang pengetahuan mengenai badan-badan biasiswa dan lain-lain lagi.

Pelajar-pelajar dari keluarga kelas rendah yang menerima surat tawaran kemasukan ke universiti semata-mata menolak kerana masalah kewangan. Kedudukan ekonomi keluarga yang tidak kukuh menyebabkan mereka khuatir akan perbelanjaan varsiti kelak. Ramai pelajar termasuk ibubapa mereka kurang pengetahuan mengenai badan-badan yang menghulurkan bantuan biasiswa ataupun pinjaman.

Seterusnya, ada sebilangan ibubapa yang menggalakkan anak-anaknya memasuki Maktab Perguruan. Tawaran bonus bulanan oleh Kementerian Pendidikan kepada guru-guru pelatih telah menarik perhatian pihak ibubapa di samping mengurangkan kebimbangan sumber kewangan.

Selain dari itu, pelajar-pelajar dari keluarga yang miskin terpaksa menjejak kaki di alam pekerjaan. Tanggungan keluarga tersebut telah mengakibatkan seorang pelajar terpaksa menolak tawaran kemasukan ke universiti tempatan.

Namun, pada akhir-akhir ini kita dapat memperlihatkan bahawa kadar kemasukan ke kursus sarjana muda telah merosot. Pengkaji juga dapat mengetahui bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang lemah atau yang tidak setaraf dengan kelayakan yang dikehendaki oleh pihak

universiti akan mendorong hal ini supaya berlaku.

Pengkaji dapat difahamkan bahawa latarbelakang keluarga pelajar merupakan halangan kejayaan pelajar India. Kedudukan sosio-ekonomi yang rendah menjadi batu penghalang kepada pelajar-pelajar India untuk menjejak kakinya di unversiti.

Di samping itu, didapati bahawa pelajar-pelajar dari golongan kelas rendah atau dari kawasan luar bandar hanya layak memasuki kek kursus yang mengkehendaki 'cutting point' paling rendah. Inilah tahap maksimum yang boleh dicapai oleh pelajar-pelajar ini.

Kesimpulannya, keciciran dan kegagalan pendidikan yang tinggi di peringkat rendah menyebabkan kadar penyertaan mereka di tahap pendidikan yang lebih tinggi merosot. Yang berpeluang masuk adalah pelajar kelas menengah yang tinggal di kawasan bandar. Justeru itu, masalah kewangan dan kurang pengetahuan mengenai sumber biasiswa dan pinjaman juga telah mengakibatkan ramai di antara mereka menolak tawaran kemasukan ke universiti.

## 5.2 Implikasi Penemuan Kepada Dasar

Perbincangan di atas akan mempunyai beberapa implikasi kepada dasar. Pada hakikatnya, amat memerlukan satu strategi untuk membangunkan golongan pelajar India dan seterusnya generasi akan datang. Pada dasarnya, strategi ini melibatkan pemberian bantuan-bantuan kewangan. Pelajar-pelajar India ini amat memerlukan bantuan kewangan. Jadi, badan-badan yang khas hendaklah ditubuh untuk membasmi masalah para pelajar ini.

Justeru itu, mereka memerlukan suatu badan yang boleh memberi tunjuk ajar dan menyumbangkan pengetahuan yang lengkap mengenai sumber-sumber kewangan yang boleh diperolehi oleh pelajar kelak.

Pihak-pihak tertentu hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memulih keadaan sosio-ekonomi masyarakat India. Jika tindakan sewajarnya tidak dilaksanakan, hakikatnya, masyarakat India akan tercicir dan akan ketinggalan dari segi ekonomi, sosial dan politik.